

MELANGKAH KE DEPAN SIARAN 2014



WANITA KEADILAN SOSIAL..
KESAKSAMAAN GENDER



Penang Women's Development Corporation

DITERBITKAN OLEH

PWDC Sdn Bhd (966791-W)

Level 47, KOMTAR,
10503 Penang, Malaysia
T +604 261 2835; 261 5261
F +604 261 2839
E info@pwdc.org.my
W www.pwdc.org.my

Direka bentuk oleh
Terry Neoh, Tau-Ew.com

KANDUNGAN

MENGENAI KAMI	2
VISI, KENYATAAN MISI DAN OBJEKTIF	3
LEMBAGA PENGARAH	4
STRUKTUR ORGANISASI	5
SEPATAH KATA DARI PENGERUSI, YB PUAN CHONG ENG	6
<hr/>	
BAJET RESPONSIF GENDER DAN PARTISIPATORI (GRPB)	7
PENGENALAN	8
Transformasi Komuniti	9
Penginstitusian GRPB dalam MPPP dan MPSP	12
Promosi GRPB melalui Usahasama, Program dan Jalinan Rangkaian	14
<hr/>	
PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA (WEL)	16
PENGENALAN	17
Briged Wanita Pulau Pinang	18
Peningkatan Kesedaran tentang Isu Wanita dan Gender	19
Latihan Kepimpinan dan Pemberdayaan Wanita	22
Dialog Komuniti	24
Penjagaan & Hak Kanak-Kanak	24
<hr/>	
DASAR GENDER DAN ADVOKASI (GPA)	27
PENGENALAN	28
Penggubalan Dasar	28
Perwakilan dalam Badan-badan Pembuat Keputusan Peringkat Negeri	29
Jalinan Rangkaian dan Perundingan dengan Rakan Negeri dan Rakan	29
<hr/>	
VOICES: Realiti Kehidupan Wanita	31
Memberi SUARA kepada kehidupan harian wanita	32

MELANGKAH KE DEPAN



MENGENAI KAMI

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) merupakan sebuah agensi negeri yang berusaha ke arah mentransformasi Pulau Pinang menjadi satu masyarakat maju dan progresif melalui mempromosi kesaksamaan dalam kalangan wanita dan lelaki, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan tanpa mengira etnik, agama, gender atau latarbelakang sosio-ekonomi. PWDC percaya bahawa rakyat Pulau Pinang adalah kunci kepada kejayaan masa depan dan kemakmurannya. Justeru itu, kesemua wanita dan lelaki serta kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan mesti memiliki peluang, hak dan kebebasan untuk memajukan potensi diri mereka agar menjadi warga yang mampu menyumbang kepada pencapaian visi dan aspirasi Pulau Pinang.

Sejak penubuhannya pada November 2011, PWDC telah memainkan

peranan pangsi sebagai agensi Kerajaan Negeri yang penting dalam menggerakkan pengarusperdanaan kesaksamaan gender, keterangkuman sosial dan tadbir urus baik dalam semua sektor di Pulau Pinang. PWDC mencapai matlamatnya menerusi kerjasama dengan rakan kongsi bagi merancang dan melaksanakan projek responsif gender, mempertingkatkan kesedaran awam tentang isu-isu gender serta membina kapasiti dalam kalangan individu dan komuniti. PWDC juga mengadvokasi pelaksanaan langkah-langkah untuk merapatkan jurang gender antara lelaki dan wanita dalam sektor ekonomi, awam, politik dan urus tadbir.

Tatkala Pulau Pinang pesat membangun menuju kepada pencapaian aspirasinya sebagai masyarakat maju, PWDC akan terus mengolah strategi dan melaksanakan pelbagai pendekatan berampang mata

PWDC membayangkan masa depan di mana kesemua wanita dan lelaki, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan akan mempunyai peluang yang saksama...

dan pelbagai penjuru agar Pulau Pinang mengecapi perubahan yang bermakna lagi kekal. PWDC membayangkan masa depan di mana kesemua wanita dan lelaki, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan akan mempunyai peluang yang saksama untuk menyumbang kepada dan meraih manfaat daripada sebuah Pulau Pinang yang menghargai dan mendokong prinsip-prinsip demokrasi partisipatif, hormat akan kepelbagaian dan maruah diri individu serta yang mengagungkan keterangkuman dan keadilan sosial.

PWDC
Penang Women's Development Corporation



VISI KENYATAAN MISI

PWDC mengagaskan sebuah Pulau Pinang yang mengarusperdanakan gender dalam segala dasar dan program di setiap sektor untuk mencapai keadilan sosial dan gender di negeri ini.

PWDC berusaha menyumbang kepada **transformasi Pulau Pinang** berasaskan prinsip **kesaksamaan substantif** dan **tadbir urus baik**. Tunggak kepada usaha kami adalah **pengiktirafan akan kepelbagaiuan identiti wanita, perwakilan wanita dalam semua bidang** serta **pengagihan semula sumber secara sama rata**.

Kesemua ini akan dicapai melalui usaha-usaha penyelidikan serta advokasi dasar responsif gender, usaha pembangunan kapasiti, jalinan rangkaian secara strategik dan penganjuran program pemerkasaan wanita; bekerjasama dalam kerangka rakan kongsi pintar dengan kesemua peringkat kerajaan tempatan dan negeri, organisasi bukan kerajaan dan yang berasaskan komuniti, institusi akademik, sektor swasta serta orang awam.

OBJEKTIF

- 1 Membangunkan dasar gender responsif dan tadbir urus baik;
- 2 Membangkitkan kesedaran dan kefahaman akan gender dan keadilan sosial;
- 3 Meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang sosio-ekonomi dan politik;
- 4 Mengukuhkan keupayaan kepimpinan wanita dan proses pembuatan keputusan dalam semua sektor masyarakat; dan
- 5 Menambahbaik dan mempromosi konsep persekitaran inklusif dalam konteks masyarakat Pulau Pinang yang pelbagai ethnik, budaya dan agama.

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah PWDC menawarkan nasihat dan panduan berhubung pelbagai dasar, program dan projek dalam bidang-bidang utama organisasi. Ahli lembaga pengarah setakat 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:



YB Puan Chong Eng



Dr. Cecilia Ng Choon Sim



Chin Soo Wah



Hajjah Aida Yusof Rawa



Lim Kah Cheng



Mangaleswary
Kumarasamy



Dato' Dr. Marina David




YB Dr. Norlela Ariffin



YB Yap Soo Huey

PWDC ingin mengucapkan terima kasih kepada bekas pengarah kami Loh Cheng Kooi untuk segala khidmat nasihat dan sumbangan jasa bakti beliau.

STRUKTUR ORGANISASI



SEPATAH KATA DARI PENGERUSI



YB Puan Chong Eng

yang julung kali diadakan sempena kempen peringkat dunia 16 Hari Aktivisme Menentang Keganasan Terhadap Wanita.

Kami juga berjaya membangun dan mengembangkan inisiatif *outreach* sasaran seperti *Briged Wanita Pulau Pinang* untuk menyebarkan maklumat tentang program-program Kerajaan Negeri untuk wanita; siri 'Lean In' yang bertujuan mendampingi wanita dan lelaki profesional; serta pelbagai seminar, dialog, forum dan aktiviti yang kami anjurkan untuk mewujudkan kesedaran dalam komuniti dan masyarakat awam.

Pada tahun ini juga, PWDC dengan bangganya meraikan kejayaan menggapai mercutanda baru seperti penerimaan Anugerah Khas untuk "*Best Practice in Citizen Participation*" yang diraihnya dari *International Observatory on Participatory Democracy* (IOPD), untuk projek pilot GRPB yang dilaksanakan PWDC bersama MPPP dan MPSP. PWDC juga menyaksikan pelancaran model pusat asuhan kanak-kanak tempat kerja, Taska D'KOMTAR, yang dirasmikan oleh Ketua Menteri, YAB Lim Guan Eng.

Siaran Tahunan ini memberi gambaran umum tentang program, projek dan aktiviti PWDC yang meluas dan inovatif. Kami bersedia berjelajah ke komuniti merentas negeri Pulau Pinang melalui program Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB). Di samping itu, kami akan terus berusaha menggalakkan dan memobilisasi wanita dari pelbagai latar belakang untuk tampil ke hadapan sebagai pemimpin dan penggerak masyarakat, melalui program Pemerksaan dan Kepimpinan Wanita (WEL). Kami juga bersedia meneruskan usahasama dengan pemegang taruh penting di dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Tempatan bagi menyaran dan menggubal dasar-dasar sensitif gender untuk manfaat masyarakat umum.

Jalan menuju ke kesaksamaan gender merupakan jalan yang penuh ujian dan cabaran. Namun, ia adalah jalan yang harus diharungi seandainya kita mahu melihat Negeri Pulau Pinang dan Malaysia yang lebih sejahtera buat wanita dan gadis.

Dalam hal ini, saya bersyukur yang kami tidak berkeselorangan dalam perantauan ini. Saya amat terhutang budi kepada semua penyokong PWDC dan rakan usahasama dari jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, institusi swasta, syarikat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), organisasi komuniti, sukarelawan dan orang awam kerana sokongan dan sumbangan yang diberi bagi menjayakan gerak kerja PWDC. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan saya dalam Lembaga Pengarah PWDC, Jawatankuasa Penasihat PWDC, serta Pengurusan dan Staf PWDC kerana dedikasi dan semangat kerja yang mereka tonjolkan dalam menghadapi pelbagai cabaran dan ujian 2014.

Terima kasih,

YB Puan Chong Eng

Pengerusi

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang

2014 merupakan tahun yang sibuk buat PWDC, satu tahun yang penuh bermakna yang dipenuhi pelbagai peristiwa menarik, cabaran mahupun peluang. Sebagai satu agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan untuk mewar-warkan kesaksamaan gender dan keadilan sosial, pencapaian misi dan kejayaan yang dilakarkan PWDC adalah amat penting dalam usaha transformasi sosio-ekonomi dan politik Negeri Pulau Pinang.

Sepanjang tahun yang lalu, PWDC telah dikurniakan pelbagai peluang dan kesempatan untuk menyebarkan mesejnya tentang kesaksamaan gender dan pemberdayaan wanita kepada sektor awam, swasta dan juga rakyat. Kami telah berjaya menambat hati beribu warga Negeri Pulau Pinang melalui pelbagai acara berskala besar seperti Sambutan Hari Wanita Sedunia pada Mac 2014 dan acara *Penang Goes Orange* pada November 2014, yakni kempen merentas negeri mengenai Keganasan Terhadap Wanita (VAW)



BAJET RESPONSIF GENDER DAN PARTISIPATORI **(GRPB)**

BAJET RESPONSIF GENDER DAN PARTISIPATORI (GRPB)

PENGENALAN

Sejajar dengan prinsip CAT yang didokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Cekap, Akauntabiliti and Telus), program Bajet Responsif Gender dan Partisipatori PWDC (dalam singkatan Inggerisnya: GRPB) berpaksikan matlamat menjadikan tadbir urus lebih responsif gender, mesra wanita dan saksama. Program GPRB terutamanya berfokuskan kepada proses pembajetan dan ketetapan perbelanjaan kerajaan, dengan sasaran memberdayakan suara hak rakyat marhaen serta menghubungkan agensi kerajaan yang bertanggungjawab dengan komuniti-komuniti di negeri Pulau Pinang. Cogakata GRPB yakni "Kelompok Berlainan, Keperluan Berbeza" mencerminkan kepercayaan bahawa semua orang – wanita, lelaki, kanak-kanak perempuan, kanak-kanak lelaki serta Orang Kurang Upaya (OKU) – mempunyai keperluan tersendiri dan sejauh mana yang mungkin, keperluan-keperluan ini harus diperhalusi secara serius oleh pengubal dan perancang dasar.

Pasukan GRPB PWDC bekerjasama dengan *MMK Kerajaan Tempatan* (Exco Kerajaan Negeri untuk Kerajaan Tempatan) dan kedua-dua pihak berkuasa tempatan di negeri Pulau Pinang yakni *Majlis Perbandaran Pulau Pinang* (MPPP) dan *Majlis Perbandaran Seberang Perai* (MPSP) untuk melaksanakan projek-projek GRPB yang khusus. Dalam pelaksanaan setiap projek, pasukan GRPB mengguna pakai model interaktif 4-fasa yakni pertama, menjalankan survei demografik berhubung profil penduduk tempatan; kedua, menganjurkan sesi kumpulan tumpu bincang dengan penduduk setempat berdasarkan gender dan



kumpulan umur bagi tujuan mengenalpasti keperluan utama mereka; ketiga, menjalankan proses undian peringkat komuniti bagi menentukan keperluan utama yang paling mendesak; dan keempat, menyampaikan keputusan undian serta pemintaan penduduk kepada majlis tempatan untuk proses pelaksanaan.

Sejak 2012, GRPB telah mengurus dengan jayanya 2 projek pilot dalam kalangan komuniti skim rumah pangsa kos rendah PPR Jalan Sungai dibawah bidangkuasa MPPP serta PPR Ampangan dibawah bidangkuasa MPSP. Kedua-dua projek berkenaan telah berjaya menyatupadukan penduduk dan pihak berkuasa tempatan, dan mencetuskan transformasi mendadak dalam kualiti hidup kedua-dua komuniti dalam jangkamasa 2 tahun. Semangat komuniti yang kembali membara, pertambahan penyertaan wanita dan gadis dalam pelbagai aktiviti dan projek serta penaiktarafan infrastruktur setempat yang dipilih penduduk sebagai keperluan utama dan disempurnakan penambahbaikannya oleh pihak berkuasa tempatan merupakan antara hasil positif yang dijanai oleh usaha bersepada GRPB. Di samping itu, pihak MPPP dan MPSP

juga telah meraih penjimatan kos hasil pengurangan kes vandalisma serta peningkatan dalam kebersihan di kedua dua komuniti PPR terbabit.

Sepanjang 2014, program GRPB telah meneruskan inisiatifnya di PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan, sambil mengorak langkah baru di Kampung Sg. Chenaam di Sg. Acheh, Seberang Perai Selatan. GRPB juga telah dipelawa oleh MPPP dan MPSP untuk berkongsi kepakaran bagi projek pembangunan semula Pasar Jalan Campbell di George Town dan Taman Awam di Jalan Kenari, Sg. Ara.

Pada Jun 2014, PWDC bersama-sama MPPP dan MPSP dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas "Amalan Terbaik Penyertaan Warga" dari *International Observatory on Participatory Democracy (IOPD)* untuk projek pilot GRPB. Dalam saingan dengan 27 pencalonan lain dari kerajaan tempatan, majlis bandaran, dan pertubuhan bukan-bandaran dari seluruh dunia, inisiatif GRPB Pulau Pinang telah diiktiraf oleh juri kerana strategi serampang dua matanya yang unik dan inovatif dalam mengutamakan gender berserta penyertaan warga setempat.

BAJET RESPONSIF GENDER DAN PARTISIPATORI (GRPB)

TRANSFORMASI KOMUNITI



Untuk 2014, pasukan GRPB telah mengekalkan hubungan kerjanya dengan dua projek komuniti di **PPR Jalan Sungai** dan **PPR Ampangan** tatkala meluaskan pelaksanaan projek GRPB ke kawasan lain.

Berikutnya kejayaan **Kontrak Pembersihan Komuniti** yang julung kali dilaksanakan di **PPR Jalan Sungai** pada tahun 2013, PWDC dan MPPP telah menganjurkan majlis pelancaran pada Ogos 2014 bagi meraikan penyerahan Kontrak berkenaan oleh MPPP kepada Persatuan Penduduk yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Lim Guan Eng. Setakat Disember 2014, PWDC dan MPPP telah memeterai **Kontrak Keselamatan Komuniti** bertujuan menggaji penduduk PPR Jalan Sungai sebagai pengawal keselamatan. PWDC juga membantu mengasaskan **Kontrak Pembersihan Komuniti** di **PPR Ampangan** dan seterusnya telah mula menemuduga penduduk untuk penawaran kerja-kerja pembersihan

menjelang Disember 2014. Melalui kontrak-kontrak komuniti ini, PWDC berharap agar penghuni PPR akan terus berpeluang mendapat pekerjaan serta merangkul kembali hak pemilikan bersama ke atas persekitaran dan kebajikan mereka.

Bermula September 2014, PWDC dan MPPP telah membentuk jawatankuasa kerja untuk tujuan mengubahsuai dan menukar 4 unit tingkat bawah kepada unit mesra OKU di PPR Jalan Sungai, di bawah **Projek Perintis Unit OKU PPR Jalan Sungai**. Dalam konteks ini, PWDC berperanan mengatur sesi rundingan partisipatori dengan penghuni OKU yang unitnya bakal melalui proses pengubahsuaiannya tersebut. Selain itu, PWDC juga telah menjalankan **latihan pemberdayaan komuniti** yang menyasarkan penghuni di kedua-dua **PPR Jalan Sungai** dan **PPR Ampangan**. Tujuan latihan berkenaan adalah untuk membina kapasiti kepimpinan dalam kedua-dua komuniti, serta membuat perancangan

untuk projek penambahbaikan yang dipacu peringkat akar umbi.

Sepanjang tahun 2014, PWDC telah bekerja dengan komuniti **Kampung Sungai Chenaam**, Sg. Acheh di Seberang Perai Selatan dalam usaha pelaksanaan model GRPB 4-fasa dan mengenalpasti keperluan mendesak. Jangkauan komuniti ini bermula pada Januari 2014 dan tamat pada Disember 2014, dan keputusan proses undian komuniti setempat telah pun disalurkan kepada MPSP untuk perancangan lanjut. PWDC juga telah dijemput oleh MPPP dan MPSP untuk bersama dalam proses reka bentuk dan pembangunan semula beberapa kemudahan komuniti yang utama seperti **Pasar Jalan Campbell** yang bersejarah di George Town, dan **Taman Awam di Jalan Kenari**, Sg. Ara. Sebahagian besar kerja untuk projek-projek berkenaan akan berlangsung pada tahun 2015.

BAJET RESPONSI GENDER DAN PARTISIPATORI (GRPB)

AKTIVITI UTAMA

Januari

Mesyuarat dengan komuniti Kg. Sg. Chenaam

6

Demonstrasi Pembuatan Sabun untuk mempromosi Kempen Pulau Pinang Bersih dan Hijau dan memupuk kemahiran keusahawanan antara penduduk berpendapatan rendah @ Kg. Sg. Chenaam

10

Karnival Kg. Sg. Chenaam yang melibatkan pengajuran aktiviti permainan, sajian lagu dan persembahan serta jamuan yang bertujuan memperkenalkan PWDC / GRPB kepada penduduk @ Kg. Sg. Chenaam

12

Mesyuarat Perancangan dengan Ahli Jawatankuasa (AJK) baru LA21 Ampangan @ PPR Ampangan

29

Februari

Sesi Latihan Pembantu Penyelidik sebagai persiapan untuk Fasa 2: Perbincangan Kumpulan Tumpu Bincang @ Kg. Sg. Chenaam

17

Mac

Mesyuarat dengan Pusat Zakat Bandar Perda untuk bersama dalam satu perkongsian pintar bagi melaksanakan Fasa 1 GRPB: Survei Demografik @ Kg. Sg. Chenaam

4

2 April > 4 Mei

Fasa 1 GRPB: Survei Demografik di Kg. Sg. Chenaam yang melibatkan temuduga dengan 223 isi rumah dari gender dan kumpulan umur yang berlainan

April

3

Mesyuarat dengan Pusat Wanita untuk Perubahan (WCC), Soroptimist Penang (SIP), Arts-Ed, Sahabat Belia dan PKPJS (Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai) untuk membincangkan projek usahasama bagi komuniti PPR Jalan Sungai

19

Bengkel Latihan Pemberdayaan Komuniti Siri 1: Kemahiran Asas Jawatankuasa dan Komunikasi Efektif, dihadiri penghuni PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan @ Kompleks Sukan & Rekreasi Sony, Seberang Jaya

Mei

31

Bengkel Latihan Pemberdayaan Komuniti Siri 2: Pengenalan kepada Gender dan Tadbir Urus Baik, dihadiri penghuni PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan, @ Bangunan Jabatan Penguatkuasa MPPP, Jalan Timah, George Town

Jun

1

Bengkel Latihan Pemberdayaan Komuniti Siri 1: Kemahiran Asas Jawatankuasa dan Komunikasi Efektif, dihadiri penghuni PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan @ Bangunan Jabatan Penguatkuasa MPPP, Jalan Timah, George Town

7

Mesyuarat dengan AJK JKKG Kg. Sg. Chenaam

BAJET RESPONSIF GENDER DAN PARTISIPATORI (GRPB)

Julai		Oktobre
Mesyuarat dengan Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan untuk meneliti dapatan Survei Demografik (Fasa 1) dan Perbincangan Kumpulan Tumpu Bincang (Fasa 2) yang dijalankan di Kg. Sg. Chenaam	9	Mesyuarat dengan Ahli Jawatankuasa (AJK) LA21 Ampangan @ PPR Ampangan
Majlis Iftar untuk beramah mesra dengan penduduk setempat @ Kg. Sg. Chenaam	17	Mesyuarat dengan Ahli Jawatankuasa (AJK) LA21 Ampangan @ PPR Ampangan
Ogos		Lawatan Tapak oleh MPPP berserta Jawatankuasa Kerja Projek Pilot Unit OKU PPR Jalan Sungai ke PPR Jalan Sungai
Majlis Pelancaran dan Penyerahan Kontrak Pembersihan Komuniti oleh MPPP kepada PKPJS (Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai) yang disaksikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Lim Guan Eng diikuti oleh Majlis Jamuan Hari Raya @ PPR Jalan Sungai	17	Mesyuarat dengan Ketua Jabatan MPSP dan Ahli Majlis bagi memberikan laporan terkini akan perkembangan aktiviti di Kg. Sg. Chenaam @ Pejabat Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
Mesyuarat dengan jurulatih komuniti En. Paul Sinappan untuk merancang sesi pembangunan kapasiti bagi penduduk PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan @ KOMTAR, George Town	22	GRPB Fasa 3: Undian berhubung Keperluan Bajet @ Kg. Sg. Chenaam
25 Ogos > 18 Sep.		Temuduga untuk ambilan pekerja di bawah Kontrak Pembersihan Komuniti PPR Ampangan
September		Mesyuarat dengan kumpulan Arts-Ed bagi membincang projek Pasar Jalan Campbell
Mesyuarat Kerja MPPP berhubung Projek Perintis Unit OKU PPR Jalan Sungai bagi tujuan mengubahsuai dan menukar 4 unit tingkat bawah kepada unit mesra OKU yang direka bentuk khas di PPR Jalan Sungai	24	Mesyuarat dengan MPPP berkaitan projek Taman Awam Jalan Kenari
Bengkel Latihan Pemberdayaan Komuniti Siri 3: Pemberdayaan Ekonomi dihadiri penghuni PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan @ RECSAM, Gelugor	27	Mesyuarat dengan MPPP berhubung Kontrak Keselemanan PPR Jalan Sungai
		Taklimat Pengenalan Koperasi kepada PKPJS (Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai) untuk mengagaskan kemungkinan menubuhkan koperasi komuniti bagi tujuan menjana pendapatan

BAJET RESPONSIF GENDER DAN PARTISIPATORI (GRPB)

PENGINSTITUSIAN GRPB DALAM MPPP DAN MPSP

Sepanjang 2014, PWDC terus menyokong usaha menginstitusikan prinsip-prinsip dan amalan gender responsif serta tadbir urus partisipatori dalam MPPP dan MPSP. PWDC mencapai matlamat ini dengan menganjurkan sesi pembinaan kapasiti berhubung kesedaran gender dan bengkel metodologi pembajetan gender untuk Ahli Majlis, pegawai dan

kakitangan kedua-dua pihak berkuasa tempatan.

Tambahan pula, PWDC juga aktif dalam pelbagai kumpulan pemegang taruh seperti Jawatankuasa Pemandu GRPB di bawah *MMK Kerajaan Tempatan*, di samping Kumpulan Kerja GRPB MPPP dan Jawatankuasa Gender MPSP yang bertugas

memantau pelaksanaaan projek-projek GRPB sejak 2012. PWDC juga menyumbang maklum balas dan saranan berhubung isu-isu gender untuk soal selidik bajet MPPP 2014, serta membantu menterjemah borang soal selidik bajet MPSP 2014 ke bahasa Mandarin dan Tamil bagi meluaskan kebolehcapaian soal selidik berkenaan.

AKTIVITI UTAMA

Januari

Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja Gender MPPP @ KOMTAR, George Town

6

24 > 25

Sesi Pembangunan Kapasiti Kerajaan Tempatan ('Gender & Pembangunan – Satu Pendekatan Alternatif') untuk ketua jabatan dan Ahli Majlis MPPP serta MPSP @ Equatorial Hotel, Bukit Jambul

Februari

Bengkel Analisis Bajet Gender bersama kakitangan MPSP yang dikendalikan oleh Dr. Elisabeth Klatzer ('Pengintegrasian Gender dalam Proses Pembajetan LA') @ Hotel Sunway, Seberang Jaya

26

Bengkel Analisis Bajet Gender bersama kakitangan MPPP yang dikendalikan oleh Dr. Elisabeth Klatzer ('Pengintegrasian Gender dalam Proses Pembajetan LA') @ Dewan Bandaran MPPP, George Town

27

Mac

Mesyuarat Jawatankuasa Gender MPSP @ Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda

April

22 > 24

Taklimat GRPB kepada kakitangan MPPP (Gred 17-36) bertajuk 'Taklimat GRPB dan Pengenalan Gender' @ KOMTAR, George Town



BAJET RESPONSIF GENDER DAN PARTISIPATORI (GRPB)

Mei		September	
Sidang Akhbar bersama MPSP untuk mewar-warkan Soal Selidik Bajet MPSP serta menjemput penyertaan penduduk terutamanya wanita @ Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda	5	Taklimat GRPB bertajuk 'Pengenalan kepada PWDC, Tadbir Urus Baik & GRPB' kepada kakitangan awam Kerajaan Negeri anjuran UPEN (<i>Unit Perancangan Ekonomi Negeri</i>) @ KOMTAR, George Town	11
Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu GRPB @ KOMTAR, George Town	9	Sesi Pembangunan Kapasiti bertajuk ' <i>Keharmonian Masyarakat</i> ' (berkenaan membangunkan komuniti sihat dengan menangani isu gangguan seksual dan keganasan rumahtangga) kelolaan Pusat Wanita untuk Perubahan bagi kakitangan MPPP @ KOMTAR, George Town	15
Dialog Bajet MPPP 2015 bersama Ahli Majlis dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) @ Dewan Bandaran MPPP, George Town	28	-----	
Sesi Pembangunan Kapasiti berhubung Pembajetan Berasaskan Outcome (OBB) (' <i>Perancangan Strategik di bawah Pembajetan Berasaskan Outcome (OBB)</i> ') yang dikendalikan oleh Encik Sakeri, pegawai dari Kementerian Kewangan Malaysia untuk ketua jabatan dan Ahli Majlis MPPP and MPSP @ Georgetown City Hotel, George Town	31	-----	
			
Ogos		Oktober	
Mesyuarat Jawatankuasa Gender MPSP @ Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda	21	9	Mesyuarat dengan Jawatankuasa Pentadbiran & Kewangan MPSP dan Pengarah Kewangan MPSP bagi membincangkan proses pembajetan MPSP dan kaedah pengintegrasian gender @ Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda
-----		29 > 31	Sesi Pembangunan Kapasiti bertajuk ' <i>Keharmonian Masyarakat</i> ' (berkenaan membangunkan komuniti sihat dengan menangani isu gangguan seksual dan keganasan rumahtangga) kelolaan Pusat Wanita untuk Perubahan bagi kakitangan MPSP @ Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda
November		-----	
		4	Mesyuarat Pemandu GRPB @ KOMTAR, George Town
		11	Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja Gender MPPP @ KOMTAR, George Town

BAJET RESPONSIF GENDER DAN PARTISIPATORI (GRPB)

PROMOSI GRPB MELALUI USAHASAMA, PROGRAM DAN JALINAN RANGKAIAN

Sepanjang tahun 2014, PWDC berpeluang mempromosi pengalaman GRPB kepada rakan kongsi di negeri Pulau Pinang dan juga di luar negara. Pada Februari 2014, PWDC melakar namanya di persada antarabangsa melalui penganjuran Persidangan Rantau Asia GRPB bertajuk 'Naratif Pembajetan Responsif Gender: Transformasi Institusi, Pemberdayaan Komuniti.' Persidangan ini menyaksikan penyertaan lebih 300 peserta, wakil dan pembentang dari *UN Women Regional Office for Asia and the Pacific, United Nations Development Programme (UNDP), Asia-Pacific Regional Centre*, Austria, Jerman, India, Indonesia, Nepal, Filipina, Portugal dan Korea Selatan.

Pada Jun 2014, PWDC bersama-sama MPPP dan MPSP dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas "Amalan Terbaik Penyertaan Warga" oleh *International Observatory on Participatory Democracy (IOPD)*.

AKTIVITI UTAMA

Mei

23 > 24

Forum 'Kepimpinan Wanita untuk Ahli Parlimen Wanita' ke-2 bagi Mempromosi Perwakilan Wanita di Asia Tenggara @ Bali, Indonesia

September

15 > 16

'Strenghtening GB-Initiatives: Experiences From China & Abroad Seminar' @ Hangzhou, China

Jun

3 > 5

Menerima Anugerah Khas "Amalan Terbaik Penyertaan Warga" dari *International Observatory on Participatory Democracy (IOPD)* di Persidangan International Observatory on Participatory Democracy ke-14 @ Canoas, Brazil

30 Sep > 1 Okt

'Asia Pacific Consultation on Making Budgets Accountable to Women' @ Bali, Indonesia

November

30

Pembentangan mengenai GRPB di forum awam bertajuk 'Bagaimana Bajet Pulau Pinang 2015 Memanfaatkan Kita' ('How Does the 2015 Penang Budget Benefit Us?') anjuran SUARAM Pulau Pinang @ Dewan Sri Pinang, George Town

19 > 22

Pembentangan Kertas Kerja bertajuk 'Menuju Budaya Keterbukaan dan Keterangkuman – Model Bajet Responsif Gender dan Partisipatori Pulau Pinang' di sesi 'Halatuju Kini dan Masa Depan Pembajetan Gender di Asia (*The Current and Future Direction of Gender Budgeting in Asia*) anjuran Korean Women's Development Institute, Seoul, Republik Korea

BAJET RESPONSI GENDER DAN PARTISIPATORI (GRPB)

PERSIDANGAN SERANTAU ASIA BAJET RESPONSI GENDER

Februari 24 > 25

Persidangan Serantau Asia GRPB bertajuk 'Narratif Pembajetan Responsif Gender: Transformasi Institusi, Pemberdayaan Komuniti' @ Bayview Hotel, George Town



Pakar-pakar dari 16 buah negara telah menghadiri Persidangan GRB.

Belia daripada komuniti bandar berkangsi pengalaman mereka terhadap projek GRB.





PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA
(WEL)

PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA (WEL)

PENGENALAN

Sejajar dengan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberdayakan kaum wanita di negeri ini, program WEL PWDC dirangka dengan tujuan meningkatkan penyertaan, kepimpinan dan pembangunan kapasiti wanita merentas sektor. Secara khusus, inisiatif-inisiatif PWDC menjurus kepada meningkatkan pemahaman serta kemahiran advokasi wanita dan pemegang taruh utama dalam aspek kesaksamaan gender, penyertaan dan kepimpinan wanita, dan tadbir urus baik. Kumpulan sasaran kini dan untuk masa depan termasuklah kalangan pembuat keputusan, pemimpin wanita dalam institusi awam dan swasta, pemimpin wanita sedia ada dan yang berpotensi, wakil rakyat serta wakil komuniti tempatan, wanita dan lelaki di peringkat akar umbi, dan orang awam.

Teras kepada pendekatan PWDC adalah kefahaman bahawa proses pemberdayaan harus seiring dengan usaha penambahbaikan tahap sosio-ekonomi wanita. Untuk mencapai matlamat ini, PWDC sebagai agensi negeri berusaha meningkatkan kebolehcapaian wanita akan sumber yang ada, terutamanya bagi mereka yang berasal dari kumpulan berpendapatan rendah dan kumpulan rentan lain.

Sepanjang 2014, PWDC melalui program WEL telah melakarkan beberapa mercutanda dalam gerak kerjanya, terutamanya dalam bidang-bidang penting seperti berikut:



PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA (WEL)

BRIGED WANITA PULAU PINANG



Pada Jun 2013, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan Briged Wanita Pulau Pinang (BWPP), satu badan sukarela yang ditugaskan mendekati wanita negeri Pulau Pinang dari pelbagai lapisan masyarakat. Tanggungjawab utama BWPP adalah untuk mendaftar wanita yang layak untuk menyertai program-program sokongan Kerajaan Negeri, antaranya bantuan kewangan untuk ibu tunggal (program 'Ibu Tunggal') dan suri rumah berumur 60 tahun dan ke bawah (program 'Ibu Emas'), penawaran kemudahan mikro-kredit untuk pemilik perniagaan kecil dan saringan mamogram

percuma. BWPP juga bakal berfungsi sebagai satu rangkaian sumber dan pengendali latihan kepimpinan untuk wanita negeri Pulau Pinang.

Selaku Sekretariat untuk Jawatankuasa Pemandu BWPP, PWDC menjalankan kursus induksi untuk para ahli serta memantau kemajuan keseluruhan BWPP. Setakat Oktober 2014, sejumlah 2,241 wanita berdaftar sebagai ahli BWPP. Data kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan bahawa 44,939 wanita

telah pun mendaftar untuk skim 'Ibu Emas' pada tahun 2014 sahaja, manakala sejumlah 5,613 wanita mendaftarkan diri untuk skim 'Ibu Tunggal' dari 2013 dan sepanjang 2014. Selain itu, pada tahun 2014, 229 dari 407 penerima mikro-kredit Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) (atau 56.3%) adalah wanita. PWDC bangga bahawa pemimpin dan ahli BWPP bersama-sama wakil rakyat dan agensi Kerajaan Negeri telah bekerjasama erat untuk menyumbang kepada pertambahan bilangan ahli tersebut.

Pada November 2014, Jawatankuasa Exco Negeri Pulau Pinang memutuskan untuk mengintegrasikan BWPP ke dalam struktur JKKK (Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Komuniti) negeri yang sedia ada. Pemimpin BWPP akan dilantik secara automatik ke jawatankuasa JKKK komuniti setempat. Penstrukturan semula ini bertujuan mengarusperdanakan gender dan menggalakkan ahli BWPP agar berkecimpung lebih aktif dalam komuniti mereka.

AKTIVITI UTAMA

Februari

Kursus Latihan Induksi Briged Wanita Pulau Pinang dalam Bahasa Tamil @ Summit Hotel, Bukit Mertajam

22

26

Kursus Latihan Induksi Briged Wanita Pulau Pinang dalam Bahasa Mandarin @ KOMTAR, George Town

April

Rundingan Meja Bulat Briged Wanita Pulau Pinang (Siri 1) @ KOMTAR, George Town

15

Ogos

8

Rundingan Meja Bulat Briged Wanita Pulau Pinang (Siri 2) @ KOMTAR, George Town

PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA (WEL)

PENINGKATAN KESEDARAN TENTANG ISU WANITA DAN GENDER

Setiap tahun, pasukan WEL menganjurkan siri aktiviti untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran awam tentang kesaksamaan gender, penyertaan dan kepimpinan wanita, dan keganasan terhadap wanita. Aktiviti berkenaan termasuklah dialog, seminar, forum, pesta dan acara awam.

Pada November 2014, PWDC dengan sokongan pasukan WEL menggalas cabaran menganjurkan kempen "*Penang Goes Orange* 2014: Hentikan Keganasan, Hormati Wanita" dari 25 November hingga 10 Disember 2014. "*Penang Goes Orange* 2014" adalah kempen peringkat negeri yang julung kali dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang seiring dengan kempen sedunia yakni 16 Hari Aktivisme bagi Menentang Keganasan Terhadap Wanita (VAW). PWDC melalui pasukan WEL telah berusaha sama dengan pertubuhan NGO wanita, sektor perniagaan, persatuan kebudayaan, sekolah dan komuniti merentas negeri Pulau Pinang untuk menyebarkan mesej tentang perlunya menyahkan keganasan dan mendokong kesaksamaan gender.

Melalui aktiviti-aktiviti ini, PWDC telah berjaya mendekati ribuan warga negeri Pulau Pinang pada tahun 2014.



AKTIVITI UTAMA

Mac

Sambutan Hari Wanita Sedunia 2014 (acara awam) dan Larian Wanita JCI Pearl 2014 @ Padang Kota Lama, George Town

9

November

Bengkel Kebajikan dan Pemberdayaan Wanita dan Keluarga (Bahagian Pulau) @ Dewan Sri Pinang, George Town

13

Bengkel Kebajikan dan Pemberdayaan Wanita dan Keluarga (Bahagian Semenanjung) @ Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam

September

Seminar Peningkatan Kesedaran berkenaan Pencegahan Bunuh Diri @ KOMTAR, George Town

21

Disember


Pertandingan Drama Bahasa Mandarin Antara Sekolah Menengah bertemakan Kesaksamaan Gender @ KOMTAR, George Town

26

PENANG GOES ORANGE

Kempen peringkat negeri pertama demi menentang Keganasan Terhadap Wanita (VAW) sempena 16 Hari Aktivisme bagi Menghapuskan Keganasan Terhadap Wanita di peringkat dunia.

November



22



23

Forum Bahasa Mandarin bertajuk Keganasan Terhadap Wanita @ Dewan Bandaran Cina Pulau Pinang, George Town

Disember

Bengkel Kesedaran tentang Keganasan Terhadap Wanita @ Kompleks Sukan Balik Pulau, Balik Pulau



6

Bengkel Kesedaran berkenaan Keganasan Terhadap Wanita (dalam Bahasa Mandarin) @ Pusat Perkhidmatan YB Lim Siew Khim, Sungai Pinang

30



11

Majlis Penutupan Rasmi untuk Kempen Penang Goes Orange dan Sesi Peningkatan Kesedaran tentang Keganasan Terhadap Wanita @ KOMTAR, George Town

PENANG GOES ORANGE



23

Bengkel Kesedaran Komuniti berhubung Keganasan Rumahtangga dalam Bahasa Tamil @ Tambun Garden Restaurant, Batu Kawan



25

Majlis Pelancaran Rasmi kempen "Penang Goes Orange: Hentikan Keganasan, Hormati Wanita" @ Queensbay Mall, Bayan Baru



29

Bengkel SCAN (Hentikan Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak) @ Kampung Melayu, Air Itam

28



Gender+: Sesi Sembang-Sembang Petang berkaitan Tempat Kerja Mesra Gender @ China House, George Town

PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA (WEL)

LATIHAN KEPIMPINAN DAN PEMBERDAYAAN WANITA

Pada tahun 2014, Pasukan WEL PWDC telah menganjurkan beberapa sesi latihan kepimpinan wanita dan pembangunan kapasiti untuk sejumlah 263 peserta. Usaha-usaha ini bertujuan melatih wanita agar memainkan peranan sebagai pemimpin dalam arena politik, Kerajaan Negeri, sektor korporat dan komuniti akar umbi. Dengan berbuat demikian, PWDC berwawasan menangani ketandusan dalam

perwakilan substantif wanita merentas sektor.

Pasukan WEL PWDC juga telah mentanjakkan siri "Lean IN @ Penang", yang diilhamkan buku "*Lean IN: Women, Work, and the Will to Lead*" karya Sheryl Sandberg, Ketua Pegawai Eksekutif Facebook. Siri "Lean IN @ Penang" PWDC mensasarkan kedua-dua wanita dan lelaki, yakni menggalakkan wanita untuk 'lean in' dan mengambil inisiatif

memimpin di tempat kerja manakala menyeru lelaki agar 'lean in' dan menjadi pasangan hidup yang memberi sokongan dalam penjagaan keluarga dan hal rumah tangga. Setelah melancarkan acara julungnya pada tahun 2013, PWDC telah menganjurkan 4 lagi forum "Lean IN @ Penang" pada tahun 2014 yang sehingga kini berjaya menarik penyertaan sejumlah 241 orang wanita dan lelaki.

AKTIVITI UTAMA

Mei

16 > 18

Persidangan Pemimpin Wanita Nasional @ Traders Hotel, George Town

Julai

Lean IN @ Penang Forum @ Hard Rock Hotel, Batu Ferringhi

3

September

Lean IN @ Penang Forum dalam Bahasa Mandarin @ Hotel Sunway Hotel, Seberang Jaya

13

Latihan Kemahiran Kepimpinan untuk Wanita (Peringkat Komuniti) @ Wisma DAP, George Town

20

Oktobre

11

Bengkel Pemberdayaan Wanita dalam Komuniti (Analisis Masalah & Kemahiran Membuat Keputusan) @ Batu Maung

27

Lean IN @ Penang Roundtable @ KOMTAR, George Town

November

1

Lean IN @ Penang Networking Hi-Tea @ China House, George Town

9

Bengkel Kesaksamaan Gender dalam Bahasa Mandarin @ KOMTAR, George Town

22

Bengkel Kepimpinan Wanita dalam Tadbir Urus Kerajaan Tempatan @ KOMTAR, George Town

PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA (WEL)



Peserta-peserta Lean IN @ Penang dengan YB Chong Eng dan YB Steven Sim, Ahli Parlimen Bukit Mertajam @ Hard Rock Penang

Sesi bengkel di Forum
Lean IN Bahasa Mandarin
@ Sunway Hotel



Lunch Talk by Dato' Faridah Merican

Co-Founder & Executive Producer of the Actors Studio, The Kuala Lumpur Performing Arts Centre and Performing Arts Centre of Penang

Wanita Pertama Seni Persembahan Malaysia berkongsi pengalaman hidupnya di Forum Lean IN @ Penang di Hard Rock Penang



PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA (WEL)

DIALOG KOMUNITI

Pada tahun 2014, PWDC telah menjalankan kajiselidik di beberapa komuniti di Seberang Perai Selatan di bawah Projek Pemberdayaan Sosio-Ekonomi Wanita (SEEP) bagi menyiasat cabaran dan masalah yang dihadapi wanita di peringkat akar umbi sana.

AKTIVITI UTAMA

Ogos	September
20 Lawatan Kehormat ke Pejabat Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan dan lawatan ke kawasan berpendapatan rendah dan kawasan ladang Seberang Perai Selatan untuk Kajian Ketersauran Projek Pemberdayaan Sosio-Ekonomi Wanita (SEEP)	26 Dialog dengan golongan wanita dari Ladang Caledonia dan Ladang Victoria untuk Kajian Ketersauran Projek Pemberdayaan Sosio-Ekonomi Wanita (SEEP) @ Jawi, Seberang Perai Selatan

PENJAGAAN & HAK KANAK-KANAK

Sejak penubuhannya, PWDC telah memperjuangkan kebolehcapaian satu sistem pengasuhan kanak-kanak yang mudah capai, berpatutan harga dan berkualiti bagi menambah penyertaan wanita dalam tenaga buruh di samping menyokong keluarga bekerja dan para penjaga. Untuk memperkuuhkan advokasi berhubung penjagaan kanak-kanak, PWDC telah menjalankan kajian akan keperluan kemudahan penjagaan kanak-kanak di negeri Pulau Pinang dan seterusnya merangka Dasar Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang dan Pelan Tindakan (2013-2015). Dasar Penjagaan Kanak-Kanak telah dilancarkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada 8 Mac 2013 sempena Hari Wanita Sedunia.

Pada Januari 2014, PWDC telah memulakan operasi Taska D'KOMTAR, yang menerima kanak-kanak berumur 3 bulan hingga ke umur 4 tahun. Taska ini merupakan pusat asuhan kanak-kanak yang pertama menawarkan khidmat kepada para pekerja Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Selain Taska D'KOMTAR, PWDC setakat Januari 2014 juga mengurus dua lagi pusat asuhan kanak-kanak milik negeri yakni Pusat Jagaan Kanak-Kanak DTL di Padang Tembak, Ayer Itam dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak SPT di Taman Serumpun, Bukit Mertajam. Melalui Taska D'KOMTAR, PWDC berharap menjadi contoh kepada majikan lain serta menggalakkan para majikan di

negeri Pulau Pinang dan Malaysia menawarkan khidmat asuhan kanak-kanak yang serupa kepada para pekerja dan keluarga mereka.

Pada Ogos 2014, PWDC dengan bangganya melancarkan Sistem Pemetaan TASKA Pulau Pinang yang merupakan portal bagi semua penawar khidmat asuhan berdaftar di dalam negeri. Peta infomasi ini bertujuan untuk berfungsi sebagai pengkalan data sumber untuk ibubapa dan penjaga yang bekerja, serta menggalakkan penawar khidmat asuhan mendaftarkan diri dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sistem Pemetaan Taska ini dapat diakses di laman: <http://epegis.penang.gov.my/pwdc-taska/>.

PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA (WEL)

DIALOG KOMUNITI

Januari

Permulaan operasi Taska D'Komtar @ KOMTAR, George Town

2



Jun

9 > 14

Kursus Latihan Asas 6 Hari untuk Pengasuh Rumah @ Dewan Sri Pinang, George Town

17

Dialog dengan para pentadbir Hospital Lam Wah Ee bertujuan menyediakan kemudahan asuhan kanak-kanak di tempat kerja @ KOMTAR, George Town

21

Majlis Penghargaan Staf dan Makan Tengahari bersama Penjaga dan Pengasuh Taska D'KOMTAR, PJKK DTL dan PJKK SPT @ KFC Green Lane, George Town

Mei

Dialog dengan *MOLEX Women Business Council* berkaitan aktiviti PWDC, isu-isu asuhan kanak-kanak dan potensi kerjasama @ KOMTAR, George Town

27



PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA (WEL)

Ogos

Perasmian Taska D'Komtar oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, YB Tuan Lim Guan Eng @ KOMTAR, George Town

8

Mesyuarat dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk berbincang tentang peruntukan subsidi yuran asuhan di tempat kerja awam berdasarkan Pekeling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013 @ KOMTAR, George Town

12

Pembentangan dapatan kajian Projek Sistem Pemetaan TASKA Pulau Pinang serta perbincangan teknikal berhubung sistem pemetaan PeGIS di pejabat PEGIS @ KOMTAR, George Town

27

Mesyuarat Perancangan dengan PJKK DTL dan PJKK SPT @ KOMTAR, George Town

9

Oktobre

Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia dengan MMK Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, bertempat @ Dewan Cheng Hua Kor Moral Uplifting Society, Tanah Liat, Berapit

November

Mesyuarat *Teleconference* Perancangan Strategik dengan Talentcorp untuk mewar-warkan dan menaiktaraf Sistem Pemetaan TASKA Pulau Pinang @ KOMTAR, George Town

20

Majlis Pelancaran Sistem Pemetaan TASKA Pulau Pinang bersempena Hari Kanak-Kanak Sejagat oleh Ahli Majlis Exco Negeri untuk Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, YB Puan Chong Eng @ KOMTAR, George Town

September

Mesyuarat Perancangan dengan PJKK DTL dan PJKK SPT @ KOMTAR, George Town

9



YB Chong Eng di pelancaran Sistem Pemetaan TASKA Pulau Pinang.



DASAR GENDER DAN ADVOKASI **(GPA)**

DASAR GENDER DAN ADVOKASI (GPA)

PENGENALAN

Pasukan Dasar Gender dan Advokasi PWDC ditugaskan merangka cadangan dasar serta menjalankan usaha advokasi untuk menyegerakan penglibatan menyeluruh wanita dalam agenda transformasi sosial, ekonomi dan politik negeri Pulau Pinang. Tanggungjawab pasukan GPA merangkumi pengenalpastian isu-isu kritikal yang menyumbang kepada ketidaksaksamaan gender di negeri Pulau Pinang serta merangka dan menyarankan strategi bagi menangani isu-isu tersebut, di samping mewar-warkan usaha pengarusperdanaan gender dalam setiap sektor.

Untuk menyempurnakan tanggungjawab ini, pasukan GPA menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan dokumentasi agar dapat menggubal dasar responsif gender yang berpaksikan bukti empirikal serta memastikan kerja-kerja advokasinya bersandarkan asas yang kukuh. Program GPA juga membantu staf program PWDC lain serta MMK Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dalam memberi maklumbalas kepada isu-isu semasa berkaitan wanita dan gender.



PWDC, melalui program GPA, juga berganding bahu dengan rakan kongsi dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan kesedaran tentang pengarusperdanaan gender serta memudahkan proses keterangkuman gender ke dalam program dan dasar Jawatankuasa Exco Negeri yang berkaitan. PWDC juga bergiat aktif dalam memberi input bagi membolehkan rakan jabatan dan agensi lain dalam kerajaan negeri meneliti dan menangani isu-isu berkaitan melalui lensa gender. Menerusi usaha-usaha seumpama ini, PWDC berharap dapat membantu menginstitusikan tadbir urus partisipatori dan responsif gender di Negeri Pulau Pinang.

PENGGUBALAN DASAR

Pada tahun 2014, pasukan GPA mula merangka cadangan Senarai Semak Gender untuk mempromosi perangkuman prinsip sensitif gender dalam proses rekabentuk infrastruktur dan perancangan bandar. Kandungan Senarai Semak Gender ini adalah ditujukan kepada pereka bentuk, perancang dan pemaju projek-projek awam, komersial dan kediaman. Di samping itu, ia juga disasarkan untuk penelitian pemegang taruh penting dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan majlis tempatan. Senarai Semak Gender ini berpaksikan andaian bahawa wanita dan lelaki mempunyai keperluan unik dan universal yang seharusnya diberi pertimbangan saksama dan dipenuhi dalam

persekitaran terbina.

Sebagai contoh, usaha memenuhi keperluan wanita yang unik mungkin memerlukan penyediaan lebih banyak tandas bagi mengelakkan kesesakan atau waktu menunggu yang lama. Pada masa yang sama, peruntukan kemudahan yang sensitif gender tidak seharusnya menonjolkan stereotaip gender yang sedia ada malah ia harus menggalakkan keterangkuman sosial wanita dan lelaki dari semua peringkat umur. Sebagai contoh, kemudahan menukar lampin dan penjagaan bayi tidak seharusnya terhad aksesnya kepada ibu semata-mata atau lokasinya berada dalam tandas wanita sahaja, tetapi juga harus dapat

diakses oleh pengasuh lelaki. Begitu juga, langkah memastikan kewujudan ruang dan lot bangunan untuk kemudahan penjagaan kanak-kanak akan bukan sahaja membantu para ibu tetapi juga ibu bapa yang bekerja, pengasuh dan keluarga secara menyeluruh.

Sepanjang 2014, draf Senarai Semak Gender telah dibentangkan dan diperbincangkan dengan pelbagai pemegang taruh untuk pertimbangan, buah fikiran dan penambahbaikan. Draf ini kini menunggu ulasan pembuat keputusan penting dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

DASAR GENDER DAN ADVOKASI (GPA)

AKTIVITI UTAMA

Mac	November
Mesyuarat dengan Green Acres Sdn Bhd (perunding lantikan Kerajaan Negeri untuk menyemak semula Pelan Struktur Pulau Pinang) bagi membincang perangkuman Indikator Responsif Gender ke dalam Pelan Induk SPT @ KOMTAR, George Town	Pembentangan Senarai Semak Gender untuk penyemakan di mesyuarat Jawatankuasa Pemandu GRPB Pulau Pinang bagi mendapat ulasan dan maklumbalas @ KOMTAR, George Town
Mesyuarat dengan Malaysian Resource Corporation Berhad (MRCB) untuk berbincang tentang inisiatif perangkuman Indikator Responsif Gender ke dalam projek Penang Sentral di Butterworth @ KOMTAR, George Town	Pembentangan Senarai Semak Gender untuk penyemakan di mesyuarat Jawatankuasa Gender MPSP bagi mendapat ulasan dan maklumbalas

PERWAKILAN DALAM BADAN-BADAN PEMBUAT KEPUTUSAN PERINGKAT NEGERI

Sebagai agensi negeri utama bertanggungjawab memacu promosi kesaksamaan gender dan pemberdayaan wanita, PWDC sering dijemput untuk menghadiri mesyuarat Kerajaan Negeri yang berkaitan serta menyumbang maklumbalas dan buah fikiran berkenaan pelbagai isu-isu dasar dan keputusan yang dibuat. Sehingga penghujung 2014, PWDC secara rasminya menganggotai Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk MMK Agama Islam (*Islamic Affairs*), MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Komuniti (*Women, Family and Community Development*), MMK Kerajaan Tempatan (*Local Government*), dan terkini MMK Pembangunan Desa (*Rural Development*) dan MMK Kesihatan (*Health*). Sehingga Jun 2014, PWDC juga diwakili dalam Jawatankuasa Kecil Rekabentuk Sejagat (*Universal Design Subcommittee*) di bawah Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan. Selain itu, PWDC juga menawarkan khidmat nasihat berhubung dasar serta bantuan kajiselidik kepada Exco

Negeri untuk Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, YB Puan Chong Eng, secara umum dan pada kala spesifik seperti Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang berlangsung pada 19-23 Mei dan 10-14 November 2014. PWDC bersyukur kerana diberi kepercayaan dan peluang untuk mewar-warkan perspektif gender dan pelbagai cadangan berkaitan untuk pertimbangan, perbahasan dan ulasan rakan-rakan dari jabatan lain serta rakan dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

JALINAN RANGKAIAN DAN PERUNDINGAN DENGAN RAKAN NEGERI DAN RAKAN LUAR

Sepanjang 2014, Pasukan GPA PWDC telah dijemput memberi maklumbalas berhubung isu-isu dasar serta meneroka kemungkinan kerjasama dengan para penyelidik dasar awam, para pendokong GRPB, jabatan dan organisasi di negeri Pulau Pinang dan Malaysia. PWDC juga menjadi tuan rumah kepada pakar penyelidik dasar awam. Selain itu, PWDC juga dijemput ke luar negara untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman. Sesi-sesi jalinan rangkaian ini membantu dalam proses perkongsian ilmu berkaitan isu wanita, kesaksamaan gender dan strategi keterangkuman sosial sekaligus memantapkan kedudukan PWDC sebagai sebuah satu organisasi yang memiliki kepakaran tentang isu wanita dan gender.

PWDC juga membantu Pejabat Exco Negeri untuk Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dalam pengendalian sesi dialog antara wakil Kerajaan Negeri dan NGO serta dengan kumpulan dan individu yang bekerja untuk kebijakan wanita dan kanak-kanak di negeri Pulau Pinang. Sesi dialog ini membantu dalam pengenalpastian masalah kritikal di negeri Pulau Pinang dan penggubalan strategi dan penyelesaian untuk pelaksanaan secara bersama.

DASAR GENDER DAN ADVOKASI (GPA)

AKTIVITI UTAMA

Jun

Mesyuarat, perbincangan dan sesi maklumbalas dengan Penang Institute berhubung projek penyelidikannya bertajuk 'Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh – Kajian Kes Pulau Pinang' @ KOMTAR, George Town

19

Mesyuarat, perbincangan dan sesi maklumbalas dengan penyelidik dari Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Malaysia) (UNDP Malaysia) berhubung kajian bersama EPU-UNDP bertajuk 'Kajian Perumahan untuk Kumpulan Pendapatan B50% Ke bawah dan Cabaran Urbanisasi di Malaysia' @ Penang Institute, George Town

Julai

23

Mesyuarat teknikal bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) berkenaan projek penyelidikan Penang Institute bertajuk 'Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh – Kajian Kes Pulau Pinang' @ KOMTAR, George Town

Ogos

14

Perbincangan dan sesi perkongsian dengan Professor Madya Dr. Teo Yeu Yenn, pakar bidang Sosiologi yang berkhidmat dengan Nanyang Technology University, Singapura (NTU Singapore) bertajuk "Sokongan untuk Pengasuhan Kanak-Kanak: Menilai Potensi dan Pembatasan Kesaksamaan Gender" @ KOMTAR, George Town

Ogos

22 > 24

Sesi bimbingan dan latihan berhubung perancangan dasar awam untuk peserta yang terdiri daripada pelajar yang menyertai Pertandingan Dasar Awam Malaysia 2014 (*Malaysian Public Policy Competition 2014*) anjuran International Council of Malaysian Scholars & Associates (ICMS) @ Sunway University, Selangor

September

19

Sesi jalinan rangkaian dengan pegawai pengambilan pelajar dari Lee Kuan Yew School of Public Policy di National University of Singapore (NUS-LKYSP) @ KOMTAR, George Town

29

Mesyuarat, perbincangan dan sesi maklumbalas dengan Penang Institute berhubung projek penyelidikannya bertajuk 'Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh – Kajian Kes Pulau Pinang @ KOMTAR, George Town

Okttober

21

Dialog bersama pemegang taruh bertajuk 'Dialog Dasar berkenaan Keganasan Rumahtangga terhadap Wanita (DVAW): Perkongsian Dapatkan Kajian Kebangsaan Pertama berhubung DVAW menggunakan WHO Multi-Country Study anjuran USM-KANITA (Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender) @ Cyberjaya, Selangor

December

4

Perbincangan dan sesi maklumbalas di 'Bengkel Perlaksanaan Agenda Ekonomi Saksama (AES)' anjuran Penang Institute @ Royale Bintang Hotel, George Town





VOICES: REALITI KEHIDUPAN WANITA

Memberi SUARA kepada kehidupan harian wanita

VOICES
The Realities of Women

VOICES: REALITI KEHIDUPAN WANITA

Memberi SUARA kepada kehidupan harian wanita

Pesta Sastera George Town 2014 (*George Town Literary Festival 2014* atau GTLF 2014) merupakan satu kesempatan yang unik bagi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Sempena tema pesta tersebut – iaitu Capital (atau 'Modal') – jabatan komunikasi PWDC telah mereka cipta satu program yang menonjolkan semangat modal insan di negeri Pulau Pinang. Bertajuk '*VOICES: The Realities of Women*' (atau 'SUARA: Realiti Kehidupan Wanita'), program ini telah berusaha untuk memberi suara kepada realiti kehidupan empat orang wanita marhaen dari negeri Pulau Pinang.


Program yang direka cipta adalah mudah sahaja – iaitu satu proses bercerita dengan kreatif tetapi berasaskan kisah-kisah benar yang dihadapi oleh wanita. Daripada pengalaman kami ketika bekerja dengan pelbagai wanita dari akar umbi, kami di PWDC sangat peka terhadap kesukaran dan perjuangan harian wanita yang sering dilupakan oleh masyarakat tempatan. Untuk menceritakan kisah-kisah tersebut, kami telah berusaha mencungkil bakat tempatan melalui pemilihan empat orang penulis wanita yang berkebolehan dan berasal dari negeri Pulau Pinang: iaitu Anna Tan, Shuli de la Fuente-Lau, Lau Shu Shi dan Raja Syarafina. Mereka kemudiannya diberi butiran projek dan telah diperkenalkan kepada pemberi wawancara masing-masing.

Selepas berbincang dengan pemberi wawancara masing-masing, para penulis telah memulakan proses kreatif di mana mereka mencipta cerita fiksyen berdasarkan pengalaman wanita-wanita tersebut. Kesemua karya fiksyen yang dihasilkan masih berasaskan kisah-kisah benar penindasan, perjuangan dan kejayaan yang dialami wanita-wanita tersebut, tanpa mendedahkan butiran peribadi yang bakal membongkarkan identiti mereka.

Selepas itu, program 'VOICES' telah menyaksikan penulis sendiri melakukan persembahan bacaan dramatik karya-karya mereka di atas pentas di GTLF 2014. Tan, Fuente-Lau dan Raja Syarafina telah menulis dan menceritakan karya-karya mereka dalam bahasa Inggeris manakala Lau telah menggunakan bahasa Mandarin.

Salah satu objektif VOICES adalah untuk menyediakan sebuah platform bagi penulis-penulis tempatan, terutamanya penulis-penulis wanita, untuk mempamerkan karya mereka. Dengan itu, kerjasama PWDC dengan GTLF 2014 terbukti menjadi satu kemenangan. Pesta ini merupakan satu kesempatan yang baik untuk keempat-empat penulis kami, kerana ia merupakan kali pertama mereka berpeluang menyampaikan karya-karya mereka di sebuah platform sastera antarabangsa.







Penang Women's Development Corporation

DITERBITKAN OLEH

PWDC Sdn Bhd (966791-W)

Level 47, KOMTAR,
10503 Penang, Malaysia
T +604 261 2835; 261 5261
F +604 261 2839
E info@pwdc.org.my
W www.pwdc.org.my

Direka bentuk oleh
Terry Neoh, Tau-Ew.com

